



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005




Perspektif



MANUSIA DAN HAIWAN SALING MELENGKAPI



Oleh



Normala Ismail dan Mohamad Kamil Ariff Dato
Khalid

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM
Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400
Jengka, Pahang



nmala391@uitm.edu.my



EDITOR: MOHD SYAHRIL MOHD ZAN

Hubungan antara manusia dan haiwan sudah wujud sejak azali. Sejak zaman berzaman, haiwan menjadi pelengkap kepada kelangsungan hidup manusia. Haiwan boleh menjadi sumber makanan, membekalkan bahan untuk pakaian dan perlindungan, perhiasan, pertanian, pengangkutan, ubat-ubatan dan sebagainya kepada manusia. Misalnya, sejak zaman ais lagi manusia menjadikan haiwan sebagai buruan. Sedikit demi sedikit, manusia mula mempelajari kehidupan bermasyarakat secara setempat sehingga mempengaruhi hubungan mereka dengan haiwan. Namun, perubahan iklim yang berlaku telah mengakibatkan banyak haiwan yang selama ini menjadi sumber makanan manusia pupus. Hal ini memaksa manusia menjinakkan haiwan bagi keperluan pertanian selain daripada sumber makanan. Keeratan hubungan antara manusia dan haiwan ini terus kekal sehingga kini dan memberi kesan terhadap kehidupan masing-masing.

Keakraban hubungan antara manusia dan haiwan ini tidak boleh dipisahkan mengikut setiap agama yang wujud di muka bumi ini. Misalnya, dalam agama Islam, begitu banyak kisah yang disebutkan oleh Allah SWT dalam Al-Quran tentang bagaimana manusia dan haiwan saling melengkapi.

Kisah Habil dan Qabil, pembunuhan pertama dalam sejarah manusia boleh dijadikan contoh yang baik dalam membincangkan hubungan manusia dan haiwan. Diriwayatkan dalam Al-Quran bagaimana Qabil membunuh Habil akibat dengki dan cemburu kerana korban Habil diterima oleh Allah SWT, sedangkan korban Qabil tidak diterima. Namun, Qabil tidak tahu bagaimana beliau seharusnya menguburkan mayat Habil, lalu Allah SWT menyuruh seekor burung gagak menggali-gali tanah untuk menunjukkan kepada Qabil. Kisah semut juga boleh dijadikan teladan oleh manusia.

Allah SWT menunjukkan bagaimana seekor semut yang prihatin terhadap keselamatan rakan-rakan semut yang lain, lalu menyuruh mereka memasuki sarang masing-masing agar tidak terpijak oleh Nabi Sulaiman AS bersama-sama dengan tentera baginda yang terdiri daripada jin, manusia dan burung.

Pengajaran yang boleh diperoleh daripada peristiwa ini adalah bagaimana seekor haiwan yang sangat kecil seperti semut boleh mempunyai perasaan kasih dan sayang terhadap kumpulannya agar terselamat daripada kemusnahan. Begitu juga dengan kisah seekor burung hud-hud yang amat gelisah melihat manusia di Saba' (sekarang adalah ibu kota Yaman) yang menyembah matahari. Burung ini mengetahui bahawa perbuatan ini adalah syirik kerana Allah SWT sahajalah yang semestinya disembah oleh setiap makhluk termasuk manusia. Kerisauan burung ini melangkaui kerisauan oleh manusia sendiri yakni takut kepada balasan Allah SWT iaitu azab api neraka di akhirat.

Berita ini telah disampaikan kepada Nabi Sulaiman AS sehingga menyebabkan Ratu Balqis yang memerintah di Saba' bersama rakyatnya telah memeluk Islam dan menyembah hanya Allah SWT. Demikian, antara contoh yang diriwayatkan dalam Al-Quran mengenai keakraban hubungan antara manusia dan haiwan yang saling melengkapi antara satu sama lain kerana semuanya adalah makhluk ciptaan Allah SWT.

Umum mengetahui dan tidak menafikan keamatan hubungan manusia dengan haiwan kesayangan. Haiwan-haiwan seperti kucing, anjing, kuda, burung, arnab, malah ikan peliharaan adalah antara pilihan manusia sebagai haiwan kesayangan. Haiwan-haiwan ini memberi keseronokan, keriang dan sentuhan kasih sayang tanpa syarat (*unconditional love*) yang boleh memberi manfaat kepada kesihatan seseorang manusia, baik dari segi hubungan sosial, perlakuan, emosi dan fizikal. Terdapat banyak penyelidikan yang telah dijalankan untuk melihat interaksi antara haiwan kesayangan dengan kesihatan mental, psikologi mahupun perlakuan pesakit. Antaranya, kajian di University of Missouri College of Veterinary Medicine menunjukkan bahawa haiwan kesayangan berjaya meningkatkan aras hormon oksitosin pemilik mereka. Hormon oksitosin ini mempunyai kaitan dengan penumbuhan sel-sel baharu yang boleh menyegerakan kesembuhan.

Hasil kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa keterikatan antara pemilik dengan haiwan kesayangan adalah seperti ibu dan bayi.

Hormon oksitosin ini adalah hormon yang muncul saat ibu dan bayi saling bertukar pandangan. Ketika bayi menatap ibunya, keterujaan si ibu akan meningkat lalu pelepasan hormon oksitosin oleh ibu akan menjadi lebih kuat. Hal ini membuatkan si ibu ingin menyentuh bayi mereka, wujud peri laku memanjakan dan kedekatan ini akan menjadikan hubungan si ibu dan bayi semakin kukuh dan kuat. Situasi yang sama turut berlaku antara hubungan manusia dan haiwan kesayangan mereka. Semakin haiwan kesayangan menatap si pemilik dengan lirikan mata yang ikhlas, membulat dan bersinar, semakin teruja sentuhan, kasih, sayang dan emosi pemilik. Namun, keadaan ini tidak boleh dijadikan alasan untuk memperlakukan haiwan kesayangan seperti manusia. Selain itu, kajian ini turut menunjukkan berinteraksi dengan haiwan kesayangan juga boleh menyebabkan redahan endorfin berlaku dalam badan manusia.

Hal ini boleh mengurangkan stress dan mewujudkan rasa selesa, selamat dan terkawal dalam kalangan manusia walaupun hanya ditemani oleh seekor haiwan. Malah, di luar negara, misalnya di Amerika Syarikat, haiwan-haiwan kesayangan ini digunakan secara meluas untuk menjayakan pelbagai program di rumah-rumah kebajikan, rumah orang tua, penjara, sekolah pendidikan khas, kem tentera dan lain-lain lagi.

Kedekatan hubungan antara manusia dan haiwan ini seterusnya dapat dilihat dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia apabila pelbagai jenis haiwan termasuk anggota mereka digunakan untuk tujuan perubatan. Hal ini bukanlah perkara yang baharu dalam kalangan orang-orang Melayu, malah telah menjadi warisan turun-menurun sehingga kini. Haiwan-haiwan bersaiz kecil seperti lintah, belut, cacing, ikan haruan dan katak kerap digunakan sebagai bahan untuk merawat pelbagai jenis penyakit.

Selain itu, terdapat juga bahagian atau anggota badan tertentu diambil daripada haiwan-haiwan bersaiz besar dan sederhana untuk dijadikan ubat-ubatan. Misalnya, tulang sotong, sepit ketam, hempedu kambing, hempedu landak, empedal ayam, duri dan lemak landak, lemak pelanduk, hempedu harimau, hempedu sawa, gading gajah, geraham dan susu badak, tanduk rusa, hati unta dan lain-lain. Khasiat daripada penggunaan bahagian atau anggota haiwan-haiwan ini telah diperakui dan disokong oleh kajian-kajian saintifik.

Misalnya, khasiat lintah dapat dibuktikan melalui kewujudan hirudin iaitu sejenis bahan yang boleh bertindak sebagai agen anti pembekuan darah.

Hal ini membolehkan lintah digunakan secara meluas untuk rawatan kencing manis (diabetes), pembedahan plastik dan sebagainya.

Sejenis katak daripada spesies *Rheobatrachus silus* yang terdapat di Queensland, Australia Timur didapati berkesan untuk rawatan ulser perut. Begitu juga dengan ikan haruan yang telah pun dipelbagaikan produknya untuk rawatan lepas bersalin, luka-luka dan lain-lain lagi termasuk khasiat cicak tokek (*Gekko smithii*) yang dikatakan efektif untuk mengubati penyakit kanser. Hakikatnya, penggunaan haiwan dalam perubatan bagi merawat penyakit dalam kalangan manusia tidak boleh dinafikan, malah semakin meluas sejak akhir-akhir ini.

Makhluk di muka bumi ini terdiri daripada pelbagai. Antaranya adalah manusia dan haiwan. Seperti makhluk-makhluk yang lain, haiwan akan terus memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Keakraban hubungan antara manusia dan haiwan sebenarnya memberi lebih banyak manfaat kepada manusia. Haiwan adalah 'cerminan' hidup manusia, bezanya mereka tidak boleh berkata-kata mahupun berakal. Namun, mereka mempunyai naluri dan perasaan kasih-sayang yang menjangkau batasan pemikiran manusia.

Seekor ibu kucing misalnya, tidak pernah membiarkan anak-anaknya kelaparan. Ia akan menyusu dan menatang anak-anaknya dengan penuh kecintaan dan kasih sayang tanpa syarat.

Hal ini berbeza dengan peri laku sesetengah manusia yang suka membuang bayi mahupun mendera kanak-kanak sehingga separuh nyawa.

Manusia dan haiwan adalah sebaik-baik ciptaan Allah SWT dan saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu, haiwan akan terus digunakan untuk memberi pelbagai bentuk kesenangan, keselesaan dan kesejahteraan kepada manusia. Justeru, haiwan perlulah diberi penjagaan sebaik-baiknya, tidak dianiaya dan menghormati 'ruang' mereka. Hubungan antara manusia dan haiwan telah termaktub sekian lama dan harus dipelihara dan dipertahankan demi kelangsungan hidup masing-masing.

Rujukan:

- Ahmad Bahjat. (2001). Kisah-kisah haiwan dalam Al-Quran. Terjemahan oleh. Sohair Abdel Moneim Sery, Zawati bt. Yusof & Ali bin L. Shaari. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd.
- Leela, R., Annabel, S. C. & Ridawan, A. R. (2006). Indigenous use and trade of Dugong (Dugong dugon) in Sabah, Malaysia. *Journal of the Human Environment* 35 (5), 266-268.
- mstar online. (9 Mei 2019). Kucing boleh 'baca' hati tuannya? Ketahui kelebihan pelihara haiwan ini dari sudut psikologi, kesihatan. Diakses dari <https://www.mstar.com.my/xpose/isuke/2019/05/09/kelebihan-bela-kucing-kesihatan>
- Newman, K. M. (22 October 2019). The science-backed benefits of being a cat lover. Retrieved from <https://www.healthline.com/health/benefits-of-being-cat-lover>